

25 JUN 2001

MAHATHIR-PERTUMBUHAN

PERTUMBUHAN KDNK SUKU KEDUA MUNGKIN SAMA SEPERTI SUKU PERTAMA

KUALA LUMPUR, 25 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) untuk suku kedua tahun ini tidak sebaik seperti mana yang sepatutnya dan mungkin sama seperti pertumbuhan yang dicatatkan pada suku pertama.

Malaysia mencatatkan pertumbuhan 3.2 peratus untuk tempoh Januari-Mac 2001.

Sambil menyatakan yang pertumbuhan yang perlahan ini adalah hasil daripada kelembapan ekonomi AS, Dr Mahathir berkata kelembapan AS bukan sahaja menjejaskan perdagangan antara kedua-dua buah negara tetapi juga perdagangan antara Malaysia dan lain-lain negara.

"Jadi, kita boleh sifatkan ekonomi AS sebagai lokomotif pertumbuhan. Dan apabila ia lembap, lain-lain negara turut terjejas sama dan pada masa yang sama, negara-negara berkenaan turut menjejaskan negara kita. Secara tidak semena-mena kita mengalami kesan berganda, iaitu dari AS dan negara-negara yang bergantung kepada ekonomi AS," jelas beliau pada persidangan akhbar selepas merasmikan Simposium Al Baraka untuk Ekonomi Islam yang ke-20 di sini. Persidangan tiga hari itu dianjurkan oleh Dallah Albaraka (Malaysia) Holdings Sdn Bhd.

Ditanya mengenai terbitan bon cadangan kerajaan Malaysia, beliau secara berseloroh berkata, "Saya fikir eloklah kalau anda bertanya ini pada mereka yang mengetahui perkara ini. Saya tidak begitu pandai. Saya ini budak baru, Menteri Kewangan yang masih mentah." -- BERNAMA

HS SHY AA